

SA 13/10/2020 Taktik nelayan asing rentangkan tali pukat untuk loloskan diri gagal
m/s 26

KEMAMAN - Tindakan 15 nelayan asing yang bertindak merentangkan tali pukat sebagai taktik untuk melarikan diri ke sempadan perairan negara tidak berhasil apabila ditahan pasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Kesemua nelayan dari Vietnam berusia antara 24 tahun hingga 55 tahun itu ditahan menerusi Ops Khas Kuda Laut di perairan Terengganu Sabtu lalu, iaitu di sekitar 150 batu nautika dari Kuala Kemaman, di sini kira-kira jam 12.05 tengah hari.

Pengarah APMM Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, kehadiran sebuah bot asing di lokasi dikesan melalui penglihatan dan radar iaitu sekitar jam 11.45 pagi.

Beliau berkata, sejurus menyelari kapal ronda APMM



FOTO: IHSAN APMM KEMAMAN

Seramai 15 nelayan asing termasuk tekong ditahan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman pagi semalam.

menghampiri lokasi, mereka terus bertindak merentangkan tali pukat dan cuba melarikan diri dengan belayar menuju ke arah sempadan perairan negara.

“Selepas hampir 20 minit dikejar, akhirnya bot berkenaan

ditahan dan hasil pemeriksaan mendapati seramai 15 nelayan Vietnam termasuk tekong berada di dalam bot berkenaan dan seterusnya ditahan untuk siasatan lanjut.

“Selain bot yang ditahan,

turut dirampas sejumlah ikan campur anggaran sekitar 13 tan, diesel anggaran 1,000 liter dan peralatan yang kesemuanya bernilai kira-kira RM1.6 juta,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Rashidilhadi berkata, kesemua nelayan tersebut berserta bot dan hasil rampasan dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman, kira-kira jam 7.30 pagi semalam.

“Mereka semua akan menjalani ujian saringan koronavirus (Covid-19) sebelum diserahkan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan dan Akta Imigresen 1953/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya.

Sementara itu, tegas beliau, operasi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam akan diteruskan tanpa henti dan pihaknya juga akan menggunakan pelbagai kaedah pelaksanaan operasi bagi melindungi hasil laut negara serta khazanahnya daripada dicuri dan dirompak oleh nelayan asing.